

BAB 7

SOROTAN PERLAKSANAAN WAKAF DI MALAYSIA & MANFAATNYA KEPADA PEMBANGUNAN UMMAH

Mustapahayuddin Abdul Khalim^{1,2}, Afiqah Nabilah Adzimat, Nur Zainatul Nadra Zainol^{1,2}, Che Adenan Mohammad^{1,2}

¹Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

² Lecturer at Department of Islamic Studies, Centre of General Studies and Co-Curricular, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

E-mail: mustapa@uthm.edu.my

ABSTRAK

Wakaf dan ibadah tidak boleh dipisahkan. Bahkan ianya merupakan suatu ibadah untuk mendekatkan diri kepada Allah swt yang sangat digalakkan oleh syariat. Kebelakangan ini, wakaf telah dikembangkan potensinya agar sesuai dilaksanakan mengikut perubahan zaman. Apabila menelusuri kajian-kajian lepas, ternyata perkembangan wakaf ini mengalami pelbagai cabaran dalam mendepani arus zaman yang semakin canggih. Masalah-masalah yang sering muncul adalah kekurangan dana wakaf, amalan dalaman tadbir urus wakaf yang kurang efisien, berlakunya kepincangan data dan kesedaran masyarakat. Kajian ini menggunakan metod kualitatif dengan menggunakan kaedah deskriptif. Pengumpulan data menggunakan data sedia ada atau sumber sekunder dengan menganalisa kajian-kajian lepas dan terbaru yang berkaitan dengan perkembangan wakaf. Perkembangan amalan wakaf di Malaysia kini telah berlakunya penambahbaikan mengikut arus perubahan zaman. Justeru menjadikan amalan wakaf sebagai satu ibadah yang disegani dalam pembangunan masyarakat dan negara daripada aspek sosial, pendidikan dan penjanaan ekonomi ummah.

Kata kunci: wakaf, wakaf di Malaysia, pendidikan ummah, kajian sorotan.

1.0 PENDAHULUAN

Wakaf dan ibadah tidak boleh dipisahkan. Bahkan ianya merupakan suatu ibadah untuk mendekatkan diri kepada Allah swt yang sangat digalakkan oleh syariat. Hal ini berdasarkan dalil Al-quran yang bermaksud:

“Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebijakan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu menafkahkan (mendermakan) sebahagian daripada apa yang kamu sayangi. Dan apa jua sesuatu yang kamu dermakan, maka sesungguhnya Allah mengetahuinya.”

Wakaf dari segi bahasa bererti tahan, manakala dari segi syara' pula bermaksud menahan harta yang boleh dimanfaatkan dan kekal fizikalnya dengan melepaskan milik kepada pengurus yang harus dan wujud. Amalan wakaf ini telah lama diamalkan sejak zaman Rasulullah SAW. Menurut Veithzal Rivai Zainal (2016) peristiwa tersebut berlaku kepada Umar al-khattab ketika itu beliau mempunyai sebuah kebun yang subur di Khaibar. Beliau bertanya kepada Rasulullah saw: "bagaimanakah cara untuk mendermakan kebun tersebut?" Kemudian Rasulullah saw menjawab: "urus kebun tersebut dengan cara tetaplah tanam pohon di kebun itu, setelah itu, hasil dari pohon tersebut didermakan kepada masyarakat." Berdasarkan peristiwa tersebut, dapat diambil pengajaran bahawa wakaf dapat membantu meningkatkan kesejahteraan umat.

Agama Islam telah menggariskan lima prinsip iaitu maqasid syariah sebagai panduan hidup manusia. Pertama memelihara agama, kedua memelihara nyawa, ketiga memelihara akal, keempat memelihara kehormatan dan keturunan dan kelima menjaga harta benda (Ayu Nor Azilah Mohamad et al, 2018). Hasilnya, apabila harta benda dijaga dengan baik maka hasilnya dapat dimanfaatkan bersama masyarakat. Manfaat yang dirasakan itu sebenarnya mampu meningkatkan kesejahteraan hidup maka tanpa sedar, kita telah menjaga nyawa daripada berlakunya penindasan akibat kemiskinan. Dalam pada itu, wakaf mampu memberikan potensi menyuburkan perekonomian negara dan juga penambahbaikan dari sudut sosial.

Kebelakangan ini, wakaf telah dikembangkan potensinya agar sesuai dilaksanakan mengikut perubahan zaman. Menurut Mohd. Ali Muhamad Don (2019) tujuan wakaf terbahagi kepada dua iaitu tujuan umum dapat diperhatikan kepada perintah syara' untuk saling bantu membantu dan saling hormat menghormati satu dan lain. Manakala tujuan khusus pula memainkan peranan yang signifikan kepada memenuhi keperluan kehidupan yang tertentu. Beliau juga mengemukakan di dalam penulisannya bahawa tujuan wakaf ada enam iaitu tujuan keagamaan semata-mata, tujuan pendidikan dan kebudayaan, bantuan sosial dan masyarakat, kemudahan hospital dan rawatan kesihatan, kepentingan jihad dan ketenteraan, dan kepentingan haiwan.

2.0 SOROTAN LITERATUR

Organisasi yang berautoriti dalam sektor wakaf di Malaysia ialah Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dan Yayasan Wakaf Malaysia (YWM). Dalam masa yang sama, wakaf tunai atau wakaf melalui wang ringgit telah diperkenalkan. Di samping skim-skim baru yang telah diperkenalkan oleh badan organisasi yang berautoriti, maka sambutan wakaf tunai semakin meningkat meskipun belum mencapai tahap yang disasarkan (Muhammad Sofiyuddin Zakaria, Mohd Zamro Muda: 2017).

Akan tetapi, timbul masalah pengurusan wakaf dalam masa yang sama iaitu pembangunan tanah wakaf tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya bagi menjana pendapatan. Kewujudan masalah ini merupakan cabaran yang terpaksa dihadapi dan diharungi oleh pusat wakaf dalam memastikan kelancaran pengurusan aktiviti wakaf di Malaysia. Pembangunan tanah wakaf ini sebenarnya mampu

memberikan manfaat yang lebih banyak kepada masyarakat tidak kira masyarakat Islam ataupun bukan Islam (Rabiatul Hasanah Mahmood et al, 2017).

Pengurusan wakaf merupakan aspek terpenting bagi menjamin kelangsungan harta wakaf itu sendiri. Kawalan dalaman urus tadbir wakaf perlu melakukan penambahbaikan agar pengurusan wakaf berjalan dengan lancar dan telus. Berdasarkan data statistik pada tahun tersebut terdapat lebih 11 ribu hektar tanah wakaf terbiar dan tergendala melibatkan wakaf am dan wakaf khas. Hal ini disebabkan adanya kelompongan yang terdapat dalam tadbir urus institusi wakaf tersebut. Kajian terhadap kawalan dalaman tadbir urus ini mampu meningkatkan kesedaran dalam kalangan institusi wakaf (Rabiatul Hasanah Mahmood et al, 2017).

Menurut Shahrina Romli (2018) terdapat beberapa masalah yang timbul dalam tadbir urus wakaf di Malaysia iaitu wujudnya kelemahan sistem pengurusan dan pentadbiran di mana terdapatnya kekurangan prasarana dan sumber manusia. Selain itu, berlakunya ketidakseragaman fungsi MAIN di setiap negeri dan dalam masa yang sama ketiadaan model urus tadbir wakaf yang khusus sebagai panduan untuk membangunkan harta wakaf.

Di samping itu, faktor kecekapan tadbir urus dalam pengurusan pembiayaan harta wakaf produktif juga menjadi perhatian. Hal ini kerana pengurusan wakaf yang baru dan moden dilihat sebagai satu elemen yang menjadi fokus perbincangan di Malaysia sama ada menurut perspektif Islam atau tidak. Kecekapan tadbir urus dalam pengurusan pembiayaan ini wujud bagi memastikan pembangunan harta wakaf lebih produktif dan menjamin kelestarian manfaat harta wakaf (Sakinatul Raadiyah Abdullah, 2020).

Apabila negara berada dalam situasi cemas, maka pihak kerajaan perlu memainkan peranannya dengan lebih aktif. Cabaran utama yang dihadapi oleh kerajaan Malaysia ketika pandemik COVID-19 kini ialah menyediakan Pelan Rancangan Ekonomi Prihatin Rakyat agar dapat dimanfaatkan oleh setiap lapisan masyarakat. Oleh itu, peranan wakaf dalam mendepani pandemik tersebut dilihat sebagai salah satu usaha bagi meringankan beban kerajaan Malaysia dengan mencadangkan kepelbagaijenis wakaf. Hal ini kerana, peranan wakaf menjadi suatu perkongsian tanggungjawab dalam penjanaan dana dan memupuk semangat kerjasama serta sukarelawan di kalangan masyarakat (Muhamad Firdaus Ab Rahman et al, 2020).

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan metod kualitatif dengan menggunakan kaedah deskriptif yang mana menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku. Pengumpulan data menggunakan data sedia ada atau sumber sekunder dengan menganalisa kajian-kajian lepas dan terbaru yang berkaitan dengan perkembangan wakaf. Sumber maklumat dan data diperoleh daripada jurnal-jurnal, surat khabar atas talian serta laporan rasmi milik laman web rasmi seperti Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Portal Rasmi Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Majlis Agama Islam Melaka (MAIM), Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA), Pusat Pengurusan Wakaf dan Zakat Dan Endowmen (WAZAN).

4.0 PERBINCANGAN HASIL DAPATAN

Apabila menelusuri kajian-kajian lepas, ternyata perkembangan wakaf ini mengalami pelbagai cabaran dalam mendepani arus zaman yang semakin canggih. Segala perkara tidak akan menjadi matang tanpa adanya jalan berliku. Jika di lihat perkembangan wakaf kini, tanpa sedar wakaf semakin di kenali oleh masyarakat walaupun masih ada pihak yang menafikan. Masalah-masalah yang timbul perlu segera ditangani dengan baik dan rasional. Oleh demikian, menurut Rabiatul Hasanah Mahmood et al, (2017) masalah yang muncul itu perlu dijadikan pengajaran dan tauladan supaya hal-hal sedemikian tidak berulang lagi. Masalah yang seringkali berlaku ialah berlakunya kekurangan dana wakaf kerana tidak memanfaatkan pembangunan harta wakaf dan tanah-tanah wakaf secara maksimum. Hal ini terjadi apabila institusi wakaf di Malaysia berhadapan dengan isu ketidakcukupan dana dalam membangun dan menyelenggara harta tersebut. Selain itu, kawalan dalaman tadbir urus wakaf yang kurang efisien. Hal ini berlaku kerana kawalan-kawalan tersebut kurang di latih bagi mahir didalam bidang masing-masing.

Setelah itu, berlakunya kepincangan data kerana penyimpanan data tidak bersesuaian mengikut sistem perkomputeraan. Kepincangan ini terjadi bila mana dahulu menggunakan sistem pegang amanah secara verbal kepada penghulu. Apabila penghulu meninggal, tiada siapa yang tahu maklumat-maklumat tersebut. Jadi rekod sekarang masih lagi kurang tepat walaupun sistem rekod telah maju. Walau bagaimana pun, dengan teknologi canggih kini, sistem rekod telah dibaikpulih dari semasa ke semasa. Kemudian, kesedaran masyarakat juga turut terlibat sama dalam cabaran wakaf. Tahap kesedaran masyarakat terhadap wakaf yang rendah mengakibatkan masyarakat beranggapan bahawa orang Islam suka meminta-minta. Hal ini tidaklah benar kerana wakaf ini adalah sumbangan sebagai bentuk bantuan yang perlu disalurkan supaya tiada golongan yang ketinggalan atau tejejas kehidupannya.

Pengurusan wakaf di Malaysia berkembang dengan pesat selari dengan perubahan masa dan teknologi. Hal ini berikutan dengan lahirnya perkembangan teknologi terkini, maka wakaf perlu disesuaikan dengan keperluannya agar masyarakat mampu memberikan sumbangannya kepada mereka yang memerlukan. Apabila diteliti perkembangan wakaf terkini, tidak dapat disanggah bahawa munculnya kepelbagaiannya dalam meningkatkan kesejahteraan umat. Pendanaan wakaf dapat menyumbangkan bantuan kewangan dalam menstabilkan perekonomian negara. Sementara itu, perekonomian yang kukuh menjamin sosial kemasyarakatan dalam keadaan tenteram dengan berkurangnya kes-kes jenayah. Dalam pada itu, wakaf menjadi perantara hubungan spiritual antara hamba-hambanya kepada Sang Pencipta Allah swt. Apabila hambanya patuh kepada kebaikan maka balasan yang diterima adalah pahala, manakala jika hambanya ingkar dengan melakukan kemunkaran maka balasan yang diterima adalah setimpal iaitu dosa.

Wakaf yang diamalkan kini sebahagiannya adalah untuk memenuhi tujuan wakaf itu sendiri. Berdasarkan kajian Mohd. Ali Muhamad Don (2019) tujuan wakaf ada enam iaitu tujuan keagamaan semata-mata, tujuan pendidikan dan kebudayaan, bantuan sosial dan masyarakat, kemudahan hospital dan rawatan kesihatan, kepentingan jihad dan ketenteraan, dan kepentingan haiwan. Pertama, tujuan agama semata-mata. Wakaf ini sebagai cara atau kaedah untuk mendapatkan rahmat Allah swt. Maka itu aktiviti perwakafan yang sering dilakukan adalah wakaf tanah dan bangunan untuk pembinaan masjid dan surau. Sebagai contoh ialah Masjid Kapitan Kling di atas tanah wakaf Cauder Mohudeen di Pulau Pinang dan Masjid Mukim Wakaf Linchong adalah tanah tapak masjid yang telah diwakafkan oleh Abu Bakar Bin Wan Hamat daerah Gong Datuk di Kelantan.

Kedua, tujuan pendidikan dan kebudayaan. Wakaf dalam bidang pendidikan tujuannya ialah untuk menyebarluaskan ilmu dan menjaga ketulenan serta melestarikan agar keilmuan tersebut tetap terpelihara. Selain itu, memberikan kesempatan dan peluang kepada sesiapa sahaja yang ingin menuntut ilmu hatta golongan yang kurang berkemampuan juga turut diberikan peluang menuntut ilmu sama seperti orang lain. Misalnya Madrasah Arabiah Kluang, Johor diasaskan pada 8 Mei 1946, Maktab Mahmud, Kedah diasaskan pada 16 Jun 1936 dan Universiti Antarabangsa Al-Bukhari di Kedah. Ketiga, bantuan sosial dan masyarakat. Hal ini berlaku kerana wakaf tersebut boleh dihulurkan dalam bentuk wang tunai ataupun keperluan-keperluan lain yang diperlukan oleh golongan yang kurang berkemampuan. Sebagai contoh Pusat Jagaan Warga Emas Al-Fikrah, Kajang di bina di atas tanah wakaf, Rumah Anak Yatim Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al Haj (RAYSAAS), Melaka di bina di atas tanah yang telah diwakafkan oleh Y.bhg Datuk H.M Shah dan melibatkan sumbangan daripada Kerajaan Negeri Melaka, Majlis Agama Islam Melaka dan sumbangan orang ramai bernilai RM 2.7 juta dan Skim Infaq Lil-Waqf ANGKASA telah menubuhkan Pusat Jagaan Darul Sakinah di Petaling Jaya.

Keempat, kemudahan hospital dan rawatan kesihatan. Perwakafan menggunakan pendanaan wakaf yang terkumpul bagi menampung kos pengurusan dan pembangunan hospital. Hal ini melibatkan segalanya berkaitan dengan perkhidmatan dan fasiliti kecemasan dan juga bencana. Misalnya Tabung Musa'adah Covid-19, Tabung Covid-19 Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Bantuan Pernafasan untuk Unit Rawatan Rapi dari Mercy Malaysia dan Tabung Bantuan Kecemasan COVID-19 oleh MyCARE (Muhamad Firdaus Ab Rahman, Hussein Azeemi, Abdullah Thaidi, Azman Ab Rahman & Siti Farahiyah Ab Rahim: 2020). Kemudian contoh lain ialah hospital dan klinik Waqaf An-Nur yang dibangunkan oleh Johor Corporation dengan kerjasama Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) dan Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) dan Yayasan Warisan Ummah Ikhlas (WUIF) dengan kerjasama Jakim, TV AlHijrah, Sinar Harian, Ideaktiv dan Rumah Ngaji seluruh negara telah mewujudkan Program Wakaf Al-Quran Mu'jam bagi tujuan diserahkan kepada pesakit dan petugas yang berada di hospital, pusat kesihatan dan pusat kuarantin sebagai tanda sokongan padu emosi dan rohani (Intan Fatimah Anwar, Nuradli Ridzwan Shah Mohd Dali, Syadiyah Abdul Shukor & Muhamad Azrin Nazri: 2020).

Kelima, kepentingan jihad dan ketenteraan. Pembiayaan data daripada wakaf digunakan oleh bidang ketenteraan bagi memenuhi keperluan mereka seperti membeli peralatan peperangan, membina kem dan berek ketenteraan di kawasan yang strategik dan meningkatkan kekuatan pertahanan ketenteraan (Ahmad Muslich: 2016). Contohnya Wakaf Selangor Muamalat menyumbangkan sebuah kenderaan (bas) sebagai klinik bergerak kepada Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Yayasan Warisan Ummah Ikhlas dan ATM melalui Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) menyumbangkan Al-Quran sebagai sumber kekuatan spiritual atau ‘Spiritual Combat Power’. Keenam, kepentingan haiwan. Dalam pada itu, haiwan juga memerlukan keperluan asas seperti makanan. Antaranya adalah seperti Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat Dan Endowmen (WAZAN) bersama Fakulti Perubatan Veterinar (FVP) Universiti Putra Malaysia mengembangkan wakaf haiwan bagi membeli ubat, peralatan untuk merawat dan menyediakan makanan serta tempat tinggal bagi haiwan-haiwan sebagai langkah mengatasi masalah haiwan terbiar tepi jalan.

5.0 PENUTUP

Perkembangan amalan wakaf di Malaysia kini telah berlakunya penambahbaikan mengikut arus perubahan zaman. Maklumat di atas telah membuka minda kita bahawa wakaf-wakaf tersebut sangat membantu dalam meringankan beban kerajaan Malaysia dalam menghadapi arus cabaran ekonomi ummah yang semakin mencabar. Selain itu, kesedaran amalan berwakaf dalam kalangan masyarakat

semakin mendapat perhatian demi berlumba-lumba di dalam melakukan amal kebaikan. Susulan daripada itu, kesenjangan golongan miskin dengan kaya dapat dikurangkan melalui aktiviti perwakafan ini. Walaupun kes-kes jenayah masih lagi berleluasa, tetapi dengan melakukan perwakafan sosial dan masyarakat dapat mengurangkan kes-kes mencuri di kawasan perdalam. Hal ini terlihat jelas apabila berlakunya bencana pandemik Covid-19 ini, sebahagian kedai-kedai pembekal barang dapur dan kedai runcit menyediakan bekalan makanan secara percuma kepada golongan yang tidak berkemampuan. Selain itu, pelbagai pihak sama ada badan kerajaan atau swasta saling berganding bahu mengumpulkan dana untuk disumbangkan kepada golongan berpendapatan rendah baik dalam bentuk wang tunai ataupun barang keperluan asas.

Seterusnya, semangat amalan perwakafan ini perlu dikekalkan supaya ianya semakin subur di dalam hati-hati manusia di muka bumi ini. Kesejahteraan digapai hasil daripada peranan semua pihak yang bertanggungjawab terhadap umat Islam dalam usaha meletakkan kembali wakaf ke taraf yang sebenar. Justeru menjadikannya satu ibadah yang disegani dalam pembangunan ekonomi masyarakat dan negara (Sakinatul Raadiyah Abdullah: 2020).

RUJUKAN

- Ab Rahman, M. F., Thaidi, H. A. A., Ab Rahman, A., & Ab Rahim, S. F. (2020). Peranan Wakaf Dalam Mendepani Pendemik Covid-19: The Role of Waqf in Combating Covid-19 Pandemic. *Journal of Fatwa Management and Research*, 49-64.
- Abdullah, S. R. (2020). FAKTOR KECEKAPAN TADBIR URUS DALAM PENGURUSAN PEMBIAYAAN HARTA WAKAF PRODUKTIF DI MALAYSIA. *Jurnal Tuah*, 1(1).
- Abdullah, S. R. (2020). TADBIR URUS DALAM PENGURUSAN PEMBIAYAAN HARTA WAKAF PRODUKTIF DI MALAYSIA. *Jurnal Maw'izah*, 3(1), 35-41.
- Anwar, I. F., Dali, N. R. S. M., Shukor, S. A., & Nazri, M. A. (2020). Pandemik Covid-19: Wakaf Sebagai Altenatif Penyelesaian Kepada Malaysia.
- Azilah, A. N., Haniffa, M. A., & Asikin, W. N. (2018). PERAN MAQASID SYARIAH DALAM MEMELIHARA KEDUDUKAN AGAMA ISLAM DI MALAYSIA. *Islam Transformatif: Journal of Islamic Studies*, 2(1), 35-46.
- Nik Abdul, N. A. R., & Sabri, I. I. M. (2020). Potensi Integrasi Zakat dan Wakaf Dalam Pembinaan Model Takaful Mikro: Isu dan Cabaran. *JOURNAL OF ISLAMIC ECONOMICS AND LAW (JIEL)*, 1(1).
- Don, M. A. M. (2019). Aplikasi Model Teori Al-Wilayah: Cadangan Penyelesaian Konflik Perundungan Wakaf di Malaysia: Application of The Al-Wilayah Theory Model: Proposal to Settle Waqf Legislative Conflict in Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*, 15-30.
- DON, M. A. M. (2019). Teori Wakaf, Kepelbagaiannya dan Contoh Amalan di Malaysia (Theory, Diversity and Practices of Waqf in Malaysia). *MALIM: JURNAL PENGAJIAN UMUM ASIA TENGGARA (SEA Journal of General Studies)*, 20.
- Gadot, N., Yahya, N. S., & Rosli, M. R. (2019). Konsep Saham Wakaf Johor dan Perkembangannya di Malaysia: The Concept of Saham Wakaf Johor and its Advancement in Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*, 1-14.
- Hashim, R., Ramli, R., Dahalan, N. F., Ismon, N. Y., & Romli, S. (2016).

- INSTRUMEN PELABURAN BAGI PENJANAAN DANA WAKAF INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI (IPT): SATU TINJAUAN. *Jurnal Ulwan*, 1(1), 39-58.
- Jalil, M. I. A. (2020). ISSUES AND CHALLENGES OF WAQF PRACTICE IN MALAYSIA: A REVIEW. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society (LJMS)*, 80-86.
- Khoerudin, A. N. (2018). TUJUAN DAN FUNGSI WAKAF MENURUT PARA ULAMA DAN DAN UNDANG-UNDANG DI INDONESIA. *Tazkiya*, 19(02), 1-10.
- Mahamood, S. M., Ab Rahman, A., & Seman, A. C. (2018). Pembentukan Institusi Pengajian Tinggi berteraskan Wakaf di Malaysia: Cadangan Model Pelaksanaannya. *Jurnal Syariah*, 26(1), 1-22.
- Mahmood, R. H., Mustaffha, N., Musafar Hameed, L. B., & Johari, N. (2017). Pengurusan Wakaf Di Malaysia: Isu Dan Cabaran. In *Proceeding of the 4th International Conference on Management and Muamalah* (Vol. 2017, No. 9).
- Mahmood, R. H., Shahimi, S., Hameed, L. B. M., & Mustaffha, N. (2018). Kawalan Dalaman Tadbir Urus Wakaf di Malaysia. *Asian Journal of Accounting and Governance*, 8, 49-58.
- Mohamad, M. R., Yusof, Z. M., & Nordin, N. (2020). PERKEMBANGAN KAJIAN TENTANG PEMBANGUNAN TANAH WAKAF DI MALAYSIA: SATU SOROTAN LITERATUR [DEVELOPMENT OF STUDY ABOUT DEVELOPMENTAL LANDSCAPE IN MALAYSIA: A LITERATURE HIGHLIGHTS]. *AL-QIYAM International Social Science and Humanities Journal*, 3(2), 12-21.
- Muslich, A. (2017). Peluang dan Tantangan dalam Pengelolaan Wakaf. *Muaddib: Studi Kependidikan Dan Keislaman*, 6(2), 200-218.
- Romli, S. (2018). KEKANGAN PERMASALAHAN TADBIR URUS DALAM MEMANTAPKAN INSTITUSI WAKAF: SOROTAN LITERATUR. *Journal of Law and Governance*, 1(1), 101-109.
- Zainal, V. R. (2016). Pengelolaan dan Pengembangan Wakaf Produktif. *Al-Awqaf: Jurnal Wakaf dan Ekonomi Islam*, 9(1), 1-16.
- Zakaria, M. S., & Muda, M. Z. (2017). [ms] Literature Review on Implementation of Cash Waqf in Malaysia. *Islāmiyyāt*, 39(1).